

BAB 6

RUMUSAN DAN SARANAN

6.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan rumusan hasil dapatan kajian dan analisis terjemahan surah al-Baqarah dalam Tafsir Al-Azhar. Selain itu, akan dikemukakan cadangan-cadangan untuk memperluaskan penyelidikan terhadap terjemahan al-Quran al-Karim atau al-Quran al-Karim itu sendiri .

6.2 Rumusan

Kajian memperlihatkan bahawa berbagai-bagai cara telah dilakukan oleh ahli-ahli bahasa dalam menghuraikan binaan dan bentuk ayat pasif BM. Sebenarnya, itulah kelebihan dan kekayaan BM , iaitu bahasa yang hidup yang bersifat arbitarari. Kajian ke atas ayat-ayat pasif dalam terjemahan surah al-Baqarah menunjukkan bahawa terdapat berbagai-bagai ayat yang digunakan oleh HAMKA untuk menterjemah al-Quran.

Ayat-ayat itu boleh dilihat dari segi jenis, ragam dan binaan . Jenis-jenis ayat yang terdapat dalam bahan kajian ialah ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan dan ayat perintah. Jika ditinjau dari sudut binaan ayat, terdapat ayat dasar, ayat tunggal, ayat majmuk pancangan, ayat majmuk gabungan dan yang paling banyak ialah ayat majmuk campuran, iaitu hampir 85% daripada ayat-ayat terjemahan surah al-Baqarah. Perhatian khusus dibuat oleh pengkaji ialah dari segi ragam ayat. Terdapat ayat aktif dan ayat pasif. Ayat pasif yang dikenal pasti dalam terjemahan

surah al-Baqarah ialah ayat pasif dengan ganti nama diri ketiga dan ayat pasif bukan dengan ganti nama diri. Hasil analisis ayat pasif tidak menunjukkan adanya penggunaan ayat pasif dengan ganti nama diri pertama (KGD1) dan kedua (KGD2) dalam terjemahan surah al-Baqarah Tafsir Al-Azhar. HAMKA (1982 :112) menyatakan bahawa ayat-ayat surah al-Baqarah itu diturunkan Allah pada mula-mula Rasulullah s.a.w. berpindah (hijrah) ke Madinah. Mula-mula mendirikan masyarakat Islam dan menegakkan negara Islam setelah 13 tahun beliau menegakkan akidah di Mekah dan mendapat tentangan hebat dari kaum Quraish, "...maka kita dapati dalam surah al-Baqarah ini ayat-ayat yang telah mulai menghadapi mereka (Yahudi), yang dalam bahasa sekarang disebut konfrantasi". Banyak lagi surah lain yang diturunkan di Madinah, tetapi surah al-Baqarah adalah termasuk surah yang terdahulu sekali. Ayat-ayatnya agak panjang , tidak pendek seperti surah-surah Mekah kerana lebih banyak memperincikan hukum, apatah lagi kerana bercampur dengan ancaman orang Yahudi yang bahasa mereka tidak sefasih bahasa yang dipakai oleh orang Quraish di Mekah.

HAMKA gemar menggunakan ayat majmuk campuran yang mencampurkan ayat aktif dan pasif di dalamnya. Ayat pasif yang dihasilkan oleh beliau dalam Tafsir Al-Azhar mempunyai persamaan dengan ayat pasif bahasa Arab. Namun begitu kedapatan ayat-ayat pasif yang dihasilkan mengikut pendapat beliau sendiri walaupun ayat-ayat al-Quran itu tidak berbentuk pasif. Tidak dapat dinafikan , Allahyarham masih terikat dengan penggunaan Bahasa Melayu lama . Tafsir Al-Azhar mula dikenal awal tahun lima puluhan. Sebagai sasterawan dan seorang penulis , Allahyarham menggunakan unsur-unsur puitis dalam terjemahan dan tafsir al-Baqarah. Alhamdulillah, niat Allahyarham supaya hasil penulisan beliau dinikmati dan manfaatkan oleh masyarakat kini tercapai.

6.3 Saranan

Kajian ini hanya terbatas kepada ragam ayat pasif dalam terjemahan surah al-Baqarah yang mempunyai 286 ayat sahaja. Masih banyak surah yang belum dikaji dan dianalisis, iaitu sebanyak 113 surah lagi yang memuatkan 5950 ayat. Aspek-aspek yang belum dan boleh dikaji, iaitu ragam ayat aktif transitif dan tak transitif, bentuk ayat dan jenis-jenis ayat berdasarkan tujuan atau maksud ayat bahasa Melayu yang dibahagikan kepada empat jenis, iaitu :

- *
 - i. Ayat Penyata
 - ii. Ayat Tanya
 - iii. Ayat Seruan
 - iv. Ayat Perintah
 - a. Ayat suruhan
 - b. Ayat Larangan
 - c. Ayat Silaan
 - d. Ayat Permintaan

Selain itu penyelidikan dan kajian juga boleh dibuat tentang penggunaan ayat dasar dan ayat majmuk dalam terjemahan al-Quran, iaitu :

- i. Ayat Majmuk Gabungan
- ii. Ayat Majmuk Pancangan
 - a. Pancangan Relatif
 - b. Pancangan Keterangan
 - c. Pancangan Komplemen
- iii. Ayat Majmuk Campuran

Kajian ke atas aspek-aspek di atas akan menambahkan dan meluaskan data tentang sintaksis BM dan dapat meneyelami dasar keajaiban al-Quran al-Karim . Selain daripada bidang sintaksis, bidang morfologi , wacana, stilistik dan lain-lain lagi juga boleh dikaji.

6.4 Penutup

Usaha memartabatkan bahasa Melayu dan al-Quran al-Karim memerlukan ketekunan, kesungguhan , pengorbanan dan sokongan semua pihak . Samada pihak kerajaan ataupun swasta , kalau tidak kita , siapa lagi ?